



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 74
No. 17

13hb Ogos 2021

TAMBAHAN
No. 1

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang yang berikut, yang akan dibentangkan dalam Dewan Negeri Selangor, adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bill, about to be introduced in the State Legislative Assembly of Selangor, is published for general information:

	Muka Page
Enakmen Peruntukan DiRaja (Pengesahan) 2021	3
Civil List Enactment (Validation) 2021	5

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Enakmen untuk mengesahkan pembayaran bagi peruntukan Kelas IX Enakmen Peruntukan DiRaja 1959 [*Enakmen 7*] yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor semasa tempoh dari 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2021.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan DiRaja (Pengesahan) 2021.

Pengesahan dan tanggung rugi

2. (1) Walau apa pun peruntukan dalam Kelas IX Jadual Pertama Enakmen 7, apa-apa pembayaran yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan butiran dalam Kelas IX Jadual Pertama Enakmen 7 semasa tempoh dari 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2021, hendaklah disifatkan telah dibuat dengan sah.

2

Rang Undang-Undang

(2) Tiada tindakan atau prosiding undang-undang boleh dibawa, dimulakan atau disenggarakan terhadap Kerajaan Negeri atau mana-mana pegawai Kerajaan Negeri atau mana-mana orang yang bertindak di bawahnya atau mana-mana daripada antara mereka berkenaan dengan apa-apa tindakan yang dibuat semasa tempoh yang disebut dalam subseksyen (1), dan jika apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang sedemikian telah dibawa, dimulakan atau disenggarakan, ia hendaklah dibatalkan dan dijadikan tidak sah dan tiada pembayaran balik berkenaan dengan peruntukan itu seperti yang dinyatakan di dalam Enakmen ini boleh dibuat.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengesahkan pembayaran dan perbuatan yang telah dilakukan berhubung dengan Kelas IX Jadual Pertama Enakmen Peruntukan DiRaja 1959 oleh Kerajaan Negeri Selangor semasa tempoh dari 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2021.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

SHAH ALAM

Bertarikh 12 Ogos 2021

[PWN.Sel. (A) 307 Jld.8; P.U. Sel.(ADV)GUB(R)06/4]

DATO' SALIM BIN SOIB@HAMID
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Selangor*

A BILL

i n t i t u l e d

An Enactment to validate the expenditure of allocation for the Class IX the Civil List Enactment 1959 [*Enactment 7*] during the period from 1 January 2008 until 31 December 2021.

[]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as Civil List Enactment (Validation) 2021.

Validation and indemnity

2. (1) Notwithstanding the provisions of the Class IX, First Schedule Enactment 7, any payment made by the State Government of Selangor in respect of item in Class IX First Schedule Enactment 7 during the period from 1 January 2008 until 31 December 2021, shall be deemed to have been validly made.

2

Bill

(2) No action or legal proceeding shall be brought, instituted or maintained against the State Government or any officer of the State Government or any person acting thereunder or any of them in respect of any action which made during the period referred to in subsection (1), and if any such action or legal proceedings have been brought, instituted or maintained, it shall be revoked and rendered invalid and there shall be no refund in respect of the provision as specified in this Enactment can be made.

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to ratify the expenditure and acts done in respect of Class IX, First Schedule, Civil List Enactment 1959 by the State Government of Selangor during the period from 1 January 2008 until 31 December 2021.

FINANCIAL IMPLICATION

This bill will not involve the Government in extra financial expenditure.

SHAH ALAM

Dated 12 August 2021

[PWN.Sel. (A) 307 Jld.8; P.U. Sel.(ADV)GUB(R)06/4]

DATO' SALIM BIN SOIB@HAMID
State Legal Adviser
Selangor

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA